

UMP terima van jenazah

SINAR HARIAN (BENTRAL) 29 Ogos 2016 m/s 36



Daing Nasir (enam, kiri) menerima replika kunci van daripada Shaik Abbas.

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima van jenazah yang disumbangkan oleh DRB-Hicom Berhad.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, universiti itu menghargai keprihatinan syarikat berkenaan.

“Dalam konteks ini, UMP komited untuk mengembangkan peluang kolaborasi yang berpotensi untuk diteroka bersama pihak DRB-Hicom Berhad dalam pelbagai lapangan yberkaitan dengan urusan teras kedua-dua pihak.

“Aspek kebajikan umpamanya, tidaklah hanya terhad kepada penyediaan kemudahan penginapan, makanan dan bantuan kewangan, tetapi turut melibatkan kemudahan sokongan perubatan dan juga pengurusan kematian secara sistematik dan memudah cara tanpa menyulitkan sesiapa,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Van Jenazah oleh DRB-Hicom Berhad yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Komunikasi Kumpulannya, Shaik Abbas Ibrahim di Masjid UMP Kampus Gambang, di sini.

Dalam pada itu, Pusat Islam dan Pembangunan Insan (Pimpin) berjaya menubuhkan Skuad Pengurusan Jenazah UMP.

Daing Nasir berkata, hasrat untuk memberi khidmat berkaitan pengurusan jenazah bertempat di universiti itu berjaya direalisasikan dengan kekuatan Skuad Pengurusan Jenazah.

Menurutnya, skuad dianggotai 80 sukarelawan dalam kalangan mahasiswa dan staf itu diberi latihan khusus berhubung skop tugas mereka.

“Dengan adanya skuad tersebut, maka Universiti ini dapat menawarkan perkhidmatan pengurusan jenazah yang lebih sempurna meliputi persediaan peralatan bagi tujuan memandikan dan mengkafankan jenazah, menyembahyangkan jenazah dan penghantaran jenazah ke lokasi pengebumian.

“Perkhidmatan yang sempurna dengan peralatan serba lengkap ini pastinya akan memberikan kelegaan kepada keluarga si mati dan dengan itu membolehkan urusan pengebumian dijalankan dengan lebih cepat dan teratur sebagaimana dituntut oleh hukum Syarak,” katanya.